



Direct *Hospital Income Benefit* Sijil Takaful



Takaful Ikhlas Family Berhad

No. Pendaftaran : (200201025412) (593075-U)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur.

Tel: 03 – 2723 9696 | Faks : 03 – 2723 9998 | Laman Sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

Ahli :



Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU	3
TERMINOLOGI PENTING DAN MAKSUDNYA	6
RINGKASAN MANFAAT ANDA	8
PERUNTUKAN MANFAAT ANDA	9
PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL ANDA	13
PERUNTUKAN DANA SIJIL TAKAFUL ANDA	15
YURAN DAN CAJ YANG DIKENAKAN KE ATAS SIJIL TAKAFUL ANDA	17
MEMBUAT TUNTUTAN	18
PERUNTUKAN PEMILIKAN BAGI SIJIL TAKAFUL ANDA	19
PERUNTUKAN AM BAGI SIJIL TAKAFUL ANDA	20

1. MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU

Terima kasih kerana menyertai *Direct Hospital Income Benefit*. Kami ingin menekankan maklumat penting yang perlu anda ketahui mengenai Sijil Takaful anda.

Sijil Takaful *Direct Hospital Income Benefit* anda adalah kontrak di antara anda dan kami dan mengandungi yang berikut:

- Helaian Maklumat Sijil Takaful
- Penyata Maklumat Sijil
- Semua peruntukan sijil
- Sijil Rider – jika ada
- Borang permohonan dan sebarang dokumen yang anda lampirkan
- Sebarang endosmen kepada Sijil Takaful anda pada masa akan datang

Sila baca Sijil Takaful anda untuk memastikan anda memahami butir-butir mengenai manfaat dan perlindungan Takaful, bagaimana untuk membuat tuntutan dan maklumat mengenai *Direct Hospital Income Benefit*.

Sekiranya anda mempunyai soalan selepas membaca Sijil Takaful ini, anda boleh menghubungi kami secara terus di +603-2723 9696 atau e-mel kami di ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my. Kami akan dengan senang hati membantu anda.

Penyata Maklumat Sijil

Sijil Takaful ini dikeluarkan setelah penerimaan penuh Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful dan bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh anda di dalam borang cadangan anda atau dalam mana-mana soal selidik seterusnya oleh kami.

Maklumat material itu hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara anda dan kami. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat apa-apa salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau meminda apa-apa perkara sebelum ini semasa penyerahan cadangan atau pembaharuan.

Anda mesti memberitahu kami apa-apa perubahan kepada maklumat dalam jawapan anda atau berkenaan dengan apa-apa perkara sebelum ini yang telah didedahkan kepada kami berhubung dengan Sijil Takaful jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda mengemukakan permohonan untuk kelainan tetapi sebelum Sijil Takaful diubah.

Anda boleh merujuk kepada maklumat penting dibawah untuk membantu anda mematuhi kewajipan anda dibawah Sijil Takaful anda.

1. Pembayaran Sumbangan Takaful	<p>Sumbangan Takaful boleh dibayar melalui kad kredit atau kad debit.</p> <p>Bukti bayaran adalah seperti yang dinyatakan di dalam penyata kad kredit atau penyata bank anda. Kami tidak akan mengeluarkan apa-apa resit.</p>
--	---

2. Penamaan	Penamaan tidak diperlukan di bawah pelan ini. Semua manfaat Takaful akan dibayar kepada Peserta Takaful semasa tuntutan.
3. Bukti Umur	Bukti umur diperlukan sebelum sebarang pembayaran tuntutan Sijil Takaful. Jika umur belum diperakui, sila hantarkan satu salinan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran atau Pasport kepada kami dengan segera untuk rekod kami.
4. Tempoh Bertenang	Anda boleh memohon untuk membatalkan Sijil Takaful ini dengan menghantar permohonan secara bertulis kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful ini diserahkan kepada anda. Kami akan membatalkan Sijil Takaful dan memulangkan kepada anda Sumbangan Takaful setelah ditolak dengan perbelanjaan bagi pemeriksaan perubatan anda.
5. Nilai Serahan	Anda boleh serahkan kembali Sijil Takaful anda pada bila-bila masa selepas Sijil Takaful berkuat kuasa, selagi Sijil Takaful anda masih berkuat kuasa. Tiada amaun akan dibayar apabila Sijil Takaful anda diserahkan. Ia mungkin tidak menguntungkan anda untuk menyerahkan kembali atau menggantikan Sijil Takaful anda dengan yang baharu. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini.
6. Pertanyaan	Untuk bantuan atau pertanyaan berkenaan produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi kami di talian +603-2723 9696, hubungi pusat perkhidmatan pelanggan kami yang terdekat atau e-mel kepada kami di ikhilascare@takaful-ikhlas.com.my
7. Penukaran Pekerjaan dan Butiran Peribadi	Untuk memastikan anda maklum dengan maklumat penting, anda harus dengan segera memaklumkan kepada kami sekiranya anda telah menukar pekerjaan dan butiran peribadi (alamat, nombor untuk dihubungi atau alamat emel).
8. Penyerahan Tuntutan	<p>Untuk membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis beserta penyerahan dokumen sokongan seperti yang dijelaskan di dalam laman sesawang kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian.</p> <p>Setelah kami menerima notis tuntutan anda beserta dengan dokumen yang lengkap, kami akan memproses tuntutan anda. Kami mungkin akan meminta dokumen tambahan untuk proses tuntutan.</p>
9. Aduan atau Pertikaian	<p>Sekiranya anda ingin membuat sebarang aduan, anda boleh hubungi kami di:</p> <p>Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan, IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur. Tel: +603-2723 9696 Faks: +603-2723 9998 E-mel: complaints@takaful-ikhlas.com.my</p>

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412)
IKHLAS Point, 9th Floor, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
Untuk Perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sekiranya anda tidak berpuas hati keputusan tuntutan, anda boleh membuat rayuan kepada kami. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan kami, maka anda boleh dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari dari hari pihak Syarikat membuat keputusan, merujuk kes tersebut kepada:

Ombudsman for Financial Services
Co. No. 200401025885 (664393P)
Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2272 2811
Faks: +603-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman sesawang: www.ofs.org.my

Contact Centre (BNMTELELINK)
Laman Informasi Nasihat dan
Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur.

TELEFON / FAKSIMILI / E-MEL
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603-2174-1717)
Faks: +603-2174-1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

2. TERMINOLOGI PENTING DAN MAKSUDNYA


Sila baca dan fahami terminologi penting yang digunakan di dalam Sijil Takaful kerana ini akan membantu anda memahami manfaat, terma dan syarat bagi Sijil Takaful *Direct Hospital Income Benefit*.

1. Kemalangan	kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka dan luar biasa yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat yang berlaku pada tarikh, waktu dan tempat yang dikenal pasti, yang mana akan, secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang menjadi punca kecederaan anggota kepada Orang Yang Dilindungi.
2. Tarikh Kuasa Kuat	tarikh di mana perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini bermula, seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
3. Tarikh Matang	seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful bermaksud tarikh di mana Sijil Takaful luput.
4. Orang Dilindungi Yang	orang yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
5. Tabarru'	merujuk kepada sumbangan oleh Peserta-Peserta Takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Peserta-Peserta Takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.
6. Takaful	suatu persetujuan berasaskan pertolongan bersama di mana Peserta Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada dana yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada Peserta Takaful atau benefisiari mereka apabila berlakunya keadaan yang telah dipersetujui dahulu.
7. Perniagaan Takaful	urusniaga berkaitan pentadbiran, pengurusan dan operasi dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan perniagaan Retakaful dan rujukan yang menjalankan Perniagaan Takaful hendaklah mengandungi semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
8. Helaian Maklumat Takaful Sijil	helaian maklumat yang mengandungi butiran anda, butiran penyertaan, asas dan sampingan jika ada, Sumbangan Takaful dan tempoh penyertaan.
9. Sumbangan Takaful	jumlah wang yang perlu dibayar oleh anda kepada kami untuk manfaat Takaful di bawah Sijil Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.

10. Peserta Takaful, anda	seorang yang mempunyai hak milik yang sah di sisi undang-undang dan pemegang Sijil Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful dan termasuklah: <ul style="list-style-type: none">a) Orang Yang Dilindungi, jika Peserta Takaful juga merupakan Orang Yang Dilindungi;b) Pemegang serah hak yang sah; danc) Wakil persendirian Peserta Takaful yang sah.
11. Syarikat, kami	Takaful Ikhlas Family Berhad atau penggantinya.
12. Wakalah	kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

3. RINGKASAN MANFAAT ANDA

Bahagian ini menunjukkan ringkasan bagi manfaat utama anda untuk anda mengetahui perlindungan anda. Anda boleh merujuk kepada Peruntukan Manfaat Anda untuk maklumat lanjut.



Anda boleh menuntut manfaat pendapatan hospital tertakluk kepada syarat di bawah:

- Sijil Takaful anda belum ditamatkan disebabkan oleh sebab-sebab yang disenaraikan di bawah klausa Penamatan di bawah Peruntukan Manfaat Anda.
- Kemasukan ke hospital bukan disebabkan pengecualian manfaat pendapatan hospital seperti yang disenaraikan di bawah klausa Pengecualian ke atas Manfaat Pendapatan Hospital (HIB) di bawah Peruntukan Manfaat Anda.

4. PERUNTUKAN MANFAAT ANDA

Bahagian ini menjelaskan dengan lebih lanjut manfaat, pengecualian, terma dan syarat yang digunakan bagi manfaat tersebut.

<p>1. Manfaat Pendapatan Hospital (HIB)</p>	<p>Apabila Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke mana-mana hospital yang disahkan oleh kami selepas Tempoh Menunggu, kami akan membayar Manfaat Pendapatan Hospital (HIB) harian kepada anda berdasarkan Amaun Perlindungan yang ditunjukkan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.</p> <p>Amaun Perlindungan HIB hanya akan dibayar sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital untuk tempoh melebihi enam (6) jam (tidak termasuk penjagaan harian) di Hospital berdasarkan saranan dan mendapat kebenaran doktor atau pakar bedah yang berkelayakan secara sah. Jumlah hari maksimum yang akan dibayar setiap tahun adalah terhad kepada satu ratus lapan puluh (180) hari.</p> <p>Jumlah hari maksimum yang akan dibayar adalah sehingga tiga ratus enam puluh lima (365) hari secara agregat sepanjang tempoh Sijil Takaful. Apabila jumlah hari maksimum yang perlu dibayar telah habis, Sijil Takaful akan tamat.</p> <p>Amaun Perlindungan HIB adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini adalah dijamin.</p>
<p>2. Pengecualian ke atas Manfaat Pendapatan Hospital (HIB)</p>	<p>Manfaat Pendapatan Hospital tidak akan dibayar jika kemasukan ke hospital disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara; atau ii) Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan atau pun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau iii) Sebarang kegiatan keganasan. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, melakukannya di atas dasar politik, keagamaan, ideologi atau sebarang tujuan yang menyerupainya termasuklah sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/ atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau iv) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau

- v) Kecelakaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- vi) Sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- vii) Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan; atau
- viii) Kecelakaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
- ix) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- x) Rawatan Penjagaan Harian, Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan dan rawatan gigi, perubahan jantina serta eksplorasi atau eksperimen pembedahan; atau
- xi) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- xii) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- xiii) Sijil Takaful ini tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam Tempoh Menunggu kecuali disebabkan oleh Kemalangan. Sebarang kemasukan ke hospital luar Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful ini; atau
- xiv) Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan kongenital atau kecacatan termasuk keadaan keturunan; atau
- xv) Penyakit-penyakit khusus yang ditentukan dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula yang terkini, yang mana terkemudian. Walau bagaimanapun, sekiranya perlindungan terbatal dalam tempoh sebelum tarikh luput satu ratus dua puluh (120) hari tersebut, Tempoh Menunggu akan terpakai semula dari Tarikh Penguatkuasaan Semula; atau
- xvi) Sebarang keadaan sedia ada; atau
- xvii) Kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan umum, bukan bertujuan untuk rawatan atau diagnosis kecacatan yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak diperlukan secara perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Doktor, dan rawatan khusus untuk pengurangan atau kenaikan berat badan; atau
- xviii) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akutekangan, refleksologi, tetapan tulang, rawatan herba,urut atau aroma terapi atau rawatan alternatif lain; atau
- xix) Pemeriksaan mata, cermin mata dan pembiasan atau pembedahan pembedahan rabun dekat (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau perolehan alat atau peranti prostetik luaran seperti anggota palsu/tiruan, alat bantu pendengaran, alat perentak implan dan preskripsinya; atau

	<p>xx) Penjagaan kejururawatan swasta, ubat penstabilan atau penjagaan kebersihan, pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelnya, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau</p> <p>xxi) Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik); atau</p> <p>xxii) Kemasukan ke Hospital untuk tujuan perdermaan mana-mana organ badan oleh Orang Yang Dilindungi.</p>
3. Tempoh Menunggu	<p>Tiada manfaat pendapatan hospital akan dibayar jika kemasukan ke hospital berlaku atau didiagnos dalam Tempoh Menunggu iaitu tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian kecuali kecederaan yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.</p> <p>Satu ratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian adalah terpakai untuk kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh Penyakit-penyakit Khusus.</p> <p>“Penyakit-penyakit Khusus” bermakna hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Darah tinggi, kencing manis atau penyakit kardiovaskular; atau ii) Apa-apa pertumbuhan termasuklah tumor, kanser, sista, nodul, polyps; atau iii) Batu-batu dari sistem kencing dan sistem biliari; atau iv) Apa-apa penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) atau keadaan tekak; atau v) Hernia, buasir, fistulae, hidrosel atau varikosele; atau vi) Apa-apa penyakit berkaitan sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau vii) Mana-mana gangguan tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) atau sebarang keadaan lutut.
4. Opsyen Endorsan	Tiada endorsan diguna pakai untuk pelan ini.
5. Matang	Apabila Orang Yang Dilindungi masih hidup pada Tarikh Matang seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful, perlindungan Takaful akan ditamatkan dan Sijil Takaful anda tidak akan mempunyai sebarang nilai.
6. Penamatan	<p>Sijil Takaful ini akan tamat secara automatik:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) pada tarikh Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau ii) pada Tarikh Matang seperti yang ditunjukkan pada Helaian Maklumat Sijil Takaful; atau iii) pada tarikh bayaran Sumbangan Takaful yang berikutnya setelah Sijil Takaful diserahkan; atau iv) setelah Sijil Takaful luput; atau v) setelah mencapai jumlah hari maksimum yang akan dibayar seperti yang dinyatakan di bawah Manfaat Pendapatan Hospital; <p>yang mana terdahulu.</p> <p>Penamatan Sijil Takaful ini adalah tanpa sebarang prejudis ke atas sebarang tuntutan sekiranya timbul sebelum penamatan dibuat. Pembayaran atau penerimaan sebarang Sumbangan Takaful selepas penamatan Sijil Takaful ini tidak akan menyebabkan liabiliti kepada kami tetapi kami akan memulangkan kembali Sumbangan Takaful berkenaan.</p>

Rujuk kepada terminologi dan maksudnya yang digunakan secara spesifik dibawah bahagian ini:

<p>1. Hospital</p>	<p>sebuah institusi berdaftar yang ditubuhkan untuk tujuan memberikan rawatan dan penjagaan pesakit katil berbayar atau pesakit yang cedera dan mempunyai kemudahan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan 24 jam kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dan bertauliah; • Diagnostik dan pembedahan utama; dan • Di bawah pengawasan Pakar Perubatan. <p>Sebuah Hospital adalah BUKAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebuah klinik; • Sebuah rumah pemulihan, rumah penjagaan atau rumah orang-orang tua; • Sebuah pusat pemulihan untuk penagih alkohol atau dadah; • Sebuah rumah untuk warga tua dan uzur; atau • Pusat Kuarantin atau yang setaraf dengannya.
<p>2. Kemasukan ke Hospital</p>	<p>penerimaan masuk ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk menerima Perubatan Yang Diperlukan bagi Kehilangan Upaya seperti yang di syorkan oleh Doktor. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika secara fizikalnya pesakit tidak tinggal di dalam Hospital bagi keseluruhan tempoh kemasukan ke Hospital.</p>
<p>3. Keadaan Sedia Ada</p>	<p>kehilangan upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa. Orang Yang Dilindungi mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu keadaan sedia ada sebelum Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian, di mana keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana:</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau iii) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.
<p>4. Tarikh Penguatkuasaan Semula</p>	<p>tarikh permohonan anda untuk mengaktifkan semula Sijil Takaful ini daripada luput kepada berkuat kuasa diluluskan oleh kami.</p>
<p>5. Amaun Perlindungan</p>	<p>amaun yang anda akan terima sebagai manfaat Takaful.</p>

5. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL ANDA

Bahagian ini menjelaskan Sumbangan Takaful anda, apa yang akan terjadi sekiranya anda tidak membayar Sumbangan Takaful dan opsyen yang anda ada.

<p>1. Sumbangan Takaful</p>	<p>Sumbangan Takaful perlu dibayar pada atau sebelum Tarikh Akhir Sumbangan berdasarkan kekerapan pembayaran Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful. Sumbangan ini tertakluk kepada Yuran Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam seksyen Yuran dan Caj Yang Dikenakan ke atas Sijil Takaful anda yang akan digunakan untuk menguruskan Sijil Takaful ini bagi pihak anda.</p> <p>Kami mempunyai hak untuk mengkaji dan menyemak semula Sumbangan Takaful yang dibayar dengan memberi tiga puluh (30) hari notis kepada anda.</p>
<p>2. Tempoh Ehsan</p>	<p>Anda diberikan tempoh ehsan selama tiga puluh satu (31) hari dari Tarikh Akhir Sumbangan untuk membayar Sumbangan Takaful yang seterusnya.</p> <p>Sekiranya Orang Yang Dilindungi membuat sebarang tuntutan semasa tempoh ehsan, Sijil Takaful ini masih sah.</p>
<p>3. Peluputan Sijil Takaful dan Jika Tiada Bayaran Dilakukan</p>	<p>Apabila kami tidak menerima bayaran Sumbangan Takaful pada Tarikh Akhir Sumbangan dan tempoh ehsan telah tamat, Sijil Takaful akan luput dan tidak akan mempunyai sebarang nilai.</p>
<p>4. Penguatkuasaan Semula Sijil Takaful</p>	<p>Sekiranya Sijil Takaful menjadi luput disebabkan Sumbangan Takaful gagal dibayar untuk tempoh tidak lebih daripada satu (1) tahun, anda boleh menguatkuasakan semula Sijil Takaful tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Permohonan bertulis untuk penguatkuasaan semula; dan ii) Penyerahan borang pengisytiharan kesihatan bagi kepuasan pihak Syarikat; dan iii) Pembayaran balik Sumbangan Takaful yang kami tentukan pada masa penguatkuasaan semula. <p>Sebarang penguatkuasaan semula tertakluk kepada Yuran Penguatkuasaan Semula seperti yang dinyatakan di dalam seksyen Yuran dan Caj Yang Dikenakan ke atas Sijil Takaful Anda.</p> <p>Tiada perlindungan Takaful akan disediakan di bawah Sijil Takaful bagi tempoh antara tarikh Sijil Takaful luput dan tarikh pihak Syarikat meluluskan penguatkuasaan semula.</p> <p>Mana-mana keadaan kesihatan yang di diagnosis atau gejala yang timbul semasa tempoh luput tidak akan dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.</p> <p>Tiada penguatkuasaan semula dibenarkan selepas tempoh satu (1) tahun selepas Sijil Takaful telah luput.</p>

5. Serahan	Hanya anda berhak membuat penyerahan Sijil Takaful dengan memberi notis secara bertulis dan dokumen-dokumen yang lain yang mungkin kami perlukan. Sijil Takaful akan dibatalkan dan tidak akan mempunyai sebarang nilai.
-------------------	--


Rujuk kepada terminologi dan maksudnya yang digunakan secara spesifik dibawah bahagian ini:

1. Tarikh Akhir Sumbangan	tarikh di mana Sumbangan Takaful anda perlu dibayar, mengikut Keperluan Bayaran Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaiian Maklumat Sijil Takaful.
----------------------------------	---

6. PERUNTUKAN DANA SIJIL TAKAFUL ANDA

Kesinambungan dari bahagian sebelumnya, bahagian ini menjelaskan dengan lebih lanjut aliran bagi Sumbangan Takaful ke dana yang terlibat.

Rajah di bawah mengilustrasikan aliran bagi Sumbangan Takaful ke Dana Risiko dan Dana Pemegang Saham.



1. Dana Risiko

Sumbangan Takaful selepas ditolak Yuran Wakalah, akan dikumpulkan bersama dengan Caj Tabarru' yang diperolehi daripada Peserta-Peserta Takaful yang lain ke dalam Dana Risiko.

Dana Risiko adalah kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' (derma) yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama dalam kalangan Peserta-Peserta Takaful dan dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan Peserta Takaful.

Kami akan melabur dan menguruskan dana mengikut prinsip Syariah dan tidak akan melabur ke dalam dana atau aset yang dilarang oleh Syariah. Kami akan menampung sebarang kerugian di dalam dana ini jika kerugian tersebut dibuktikan berlaku akibat kecauaian pengurusan dana.

Semua kos, perbelanjaan, caj dan levi untuk mengekalkan dan melaburkan Dana Risiko dan sebarang perbelanjaan berkaitan akan ditanggung dan dibayar dari Dana Risiko.

Manfaat Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful akan dibayar dari dana ini. Tiada amaun akan dibayar dari dana ini semasa serahan atau Sijil Takaful matang.

Kami diberi kuasa untuk dan mungkin melantik *Retakaful* jika perlu berkaitan dengan dana ini dan perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini. Sumbangan Takaful yang dibayar berkaitan dengan *Retakaful* akan dibayar dari dana ini. Semua perolehan, jika ada, dari perjanjian *Retakaful* akan dimasukkan semula ke dalam dana ini.

	<p>Kami akan menguruskan dana dan sebarang lebihan dari Dana Risiko akan kekal di dalam Dana Risiko dan tidak akan dibahagikan.</p> <p>Jika Dana Risiko mengalami defisit, pemegang saham Syarikat akan memberi jumlah yang diperlukan untuk menampung defisit melalui Qard. Qard akan dibayar semula dari lebihan masa depan.</p>
2. Dana Pemegang Saham	<p>Dana ini adalah milik kami dan terdiri daripada Yuran Wakalah untuk menampung perbelanjaan.</p> <p>Seperti yang dijelaskan di bawah peruntukan Dana Risiko, sekiranya berlaku defisit suntikan Qard akan dibuat ke dalam Dana Risiko daripada dana ini dan akan dibayar balik dari lebihan masa depan.</p>

Rujuk kepada terminologi dan maksudnya yang digunakan secara spesifik dibawah bahagian ini:

1. Qard	kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana yang terakhir terikat untuk membayar balik jumlah gantian yang sama kepada pemberi pinjaman.
----------------	--

7. YURAN DAN CAJ YANG DIKENAKAN KE ATAS SIJIL TAKAFUL ANDA

Bahagian ini menjelaskan dengan lebih lanjut bagi yuran dan caj yang dikenakan kepada Sijil Takaful anda.

1. Yuran Wakalah	Amaun yang akan ditolak daripada Sumbangan Takaful yang dibayar untuk menjalankan Perniagaan Takaful. Yuran Wakalah yang dikenakan untuk Sijil Takaful ini dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
2. Caj Tabarru'	Caj Tabarru' adalah baki Sumbangan Takaful yang dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah.
3. Caj Sijil	Tiada Caj Sijil dikenakan untuk pelan ini.
4. Yuran Penguatkuasaan Semula*	Tiada yuran penguatkuasaan semula dikenakan untuk pelan ini.
5. Yuran Serahan*	Tiada yuran serahan dikenakan semasa serahan Sijil Takaful.

Nota:

1. Kami mempunyai hak untuk mengkaji dan menyemak semula yuran dan caj di bawah seksyen ini dengan memberi tiga puluh (30) hari notis kepada anda.
2. * Yuran ini mungkin tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia pada kadar semasa melainkan dinyatakan sebaliknya.

Rujuk kepada terminologi dan maksudnya yang digunakan secara spesifik dibawah bahagian ini:

1. Tahun Sumbangan	satu (1) tahun penuh sumbangan berkala. Tahun sumbangan hanya akan dikira sebagai satu (1) tahun sumbangan bagi pembayaran untuk setiap satu (1) tahun penuh sumbangan berkala.
---------------------------	---

8. MEMBUAT TUNTUTAN

Bahagian ini menjelaskan bagaimana untuk membuat tuntutan dan apa yang perlu dilakukan.

<p>1. Notis Tuntutan</p>	<p>Notis haruslah dibuat oleh pihak yang melakukan tuntutan atau wakilnya kepada kami di pejabat yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful atau melalui mana-mana Wakil kami yang bertauliah dengan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti anda atau Orang Yang Dilindungi yang akan dianggap sebagai notis tuntutan ke atas kami.</p> <p>Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk menjelaskan sebab notis tersebut.</p>
<p>2. Bukti Tuntutan</p>	<p>Kami, setelah notis tuntutan dikemukakan, akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang kami dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.</p>
<p>3. Pembayaran Tuntutan</p>	<p>Bayaran manfaat pendapatan hospital adalah seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukan Manfaat Anda.</p>

9. PERUNTUKAN PEMILIKAN BAGI SIJIL TAKAFUL ANDA

Bahagian ini menjelaskan individu utama di bawah Sijil Takaful ini dan hak mereka.

1. Peserta Takaful	Peserta Takaful (atau anda) adalah orang yang tercatat di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful dan sepanjang hayatnya melaksanakan semua hak, keistimewaan dan opsyen yang diberi di bawah Sijil Takaful ini.
2. Serah Hak	Serah hak ke atas Sijil Takaful atau manfaat-manfaat Takaful adalah tidak dibenarkan di bawah pelan ini.
3. Pelepasan Penerimaan	Pembayaran sebarang manfaat yang dibuat oleh kami akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada kami dan akan membebaskan kami daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

10. PERUNTUKAN AM BAGI SIJIL TAKAFUL ANDA

Bahagian ini menjelaskan kepentingan hak undang-undang dan tanggungjawab pada Sijil Takaful anda.

<p>1. Kontrak ini</p>	<p>Sijil Takaful ini akan membentuk keseluruhan kontrak di antara Peserta-Peserta Takaful dan pihak Syarikat ("Kontrak"). Segala peruntukan atau endosmen yang dibuat selepas ini oleh pihak Syarikat selepas Tarikh Kuat Kuasa akan menjadi sebahagian daripada syarat dan terma Kontrak.</p> <p>Pematuhan Peserta Takaful terhadap terma, peruntukan, syarat serta endosmen Sijil Takaful ini merupakan syarat terdahulu terhadap apa-apa tanggungan Syarikat untuk membuat bayaran di bawah Sijil Takaful ini.</p> <p>Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.</p>
<p>2. Pindaan Terhadap Sijil Takaful</p>	<p>Sebarang peruntukan di bawah Sijil Takaful ini tidak boleh diketepikan, dipinda, dipelbagaikan atau ditukar kecuali melalui endosmen ke atas Sijil Takaful yang telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.</p>
<p>3. Pemfailan Bukti Kerugian</p>	<p>Semua maklumat atau bahan bukti yang diperlukan oleh Syarikat yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikemukakan dalam bentuk dan jenis yang telah ditetapkan oleh Syarikat dan kosnya ditanggung oleh Peserta Takaful.</p> <p>Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi. Walaupun Syarikat telah menerima bukti-bukti penyakit yang dikemukakan, Syarikat mempunyai hak untuk meminta Orang Yang Dilindungi untuk menjalani pemeriksaan daripada Doktor yang dilantik oleh Syarikat.</p>
<p>4. Salahnyata</p>	<p>Kegagalan untuk memberikan jawapan yang tepat boleh mengakibatkan pembatalan Sijil Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan Sijil Takaful.</p> <p>Apabila Sijil Takaful ini menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan, tiada sebarang amaun akan dipulangkan semula dan tiada manfaat Takaful akan dibayar.</p>
<p>5. Penipuan</p>	<p>Sekiranya Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi memberi pernyataan, butiran, pengisytiharan atau jawapan yang salah, palsu atau mengelirukan bagi sebarang perkara yang dia ketahui atau sepatutnya diketahui atau orang munasabah yang sepatutnya mengetahui adalah relevan kepada keputusan Syarikat untuk menerima atau tidak risiko tersebut dan kadar serta terma yang akan dikenakan ataupun ia ditahan atau sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau keterlaluan atau sebarang pengisytiharan, pernyataan atau dokumen palsu dikemukakan untuk menyokong tuntutan, dalam keadaan itu Sijil Takaful boleh menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan dari Tarikh Kuat Kuasa.</p> <p>Apabila Sijil Takaful ini menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan, tiada sebarang amaun akan dipulangkan semula dan tiada manfaat Takaful akan dibayar.</p>

6. Kesalahan Pengurusan atau Kecuaian oleh Syarikat	Sekiranya berlaku kecuaiian atau salah urus oleh kami sehingga mengakibatkan kerugian kepada anda, kami akan merektifikasikan kerugian anda dengan sewajarnya.
7. Umur	<p>Sijil Takaful ini dikeluarkan adalah berdasarkan kepada umur yang tertulis pada borang permohonan, iaitu umur hari jadi akan datang Orang Yang Dilindungi.</p> <p>Jika berlaku salah nyata umur, kami boleh mengubah tempoh perlindungan Sijil Takaful ke tempoh perlindungan sebenar berdasarkan umur yang betul.</p> <p>Kami tidak boleh mengelakkan Sijil Takaful ini atau menolak tuntutan hanya disebabkan salah nyata umur Orang Yang Dilindungi. Sekiranya umur yang diberikan tidak termasuk dalam lingkungan umur kemasukan minimum dan maksimum, pihak Syarikat berhak untuk menamatkan Sijil Takaful.</p> <p>Bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful mesti dikemukakan sehingga pihak Syarikat berpuas hati. Kami berhak menuntut dan meminta bukti umur untuk dikemukakan oleh anda pada bila-bila masa.</p>
8. Kebebasan dari Sebarang Sekatan	Sijil Takaful ini tidak mengandungi sebarang sekatan ke atas Orang Yang Dilindungi bagi tujuan perjalanan, kediaman ataupun pekerjaan melainkan jika dikecualikan secara khusus di dalam Sijil Takaful.
9. Mata Wang	Apa-apa bayaran yang dibuat oleh anda kepada kami atau kami membuat bayaran kepada anda, hendaklah dalam Ringgit Malaysia.
10. Undang-undang, Bidang Kuasa dan Tafsiran yang Wajar	<p>Sijil Takaful ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan Undang-Undang Malaysia.</p> <p>Sijil Takaful ini hendaklah di mana perlu, mematuhi dan memenuhi keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Luar Negara (FATCA) dan mana-mana undang-undang lain yang serupa (yang dipinda dari semasa ke semasa) dan mana-mana perjanjian yang serupa yang telah termaktub dengan atau antara pihak berkuasa Malaysia.</p> <p>Apa-apa tindakan atau guaman terhadap Syarikat hanya boleh ditentukan di mahkamah Malaysia.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam cukai, peraturan atau perundangan yang mungkin menjejaskan Sijil Takaful ini, kami berhak untuk membuat pelarasan jika perlu.</p>
11. Tidak Boleh Tanding	Jika Sijil Takaful ini telah berkuat kuasa lebih dari dua (2) tahun dalam tempoh hayat Orang Yang Dilindungi, kami tidak boleh mengelak Sijil Takaful ini atas alasan terdapat pernyataan yang dibuat atau yang ditinggalkan di dalam borang permohonan Takaful atau di dalam laporan doktor, orang yang dirujuk atau orang lain atau di dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil Takaful ini adalah tidak tepat atau palsu atau mengelirukan melainkan kami menunjukkan pernyataan yang dibuat itu adalah mengenai perkara material atau menyekat suatu fakta material dan ia dibuat atau ditinggalkan secara tidak telus oleh anda atau Orang Yang Dilindungi.

	<p>“Perkara material” atau “fakta material” bermaksud suatu perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh kami boleh membawa kepada keengganan kami untuk mengeluarkan Sijil Takaful ini kepada anda atau mengenakan terma yang kurang menguntungkan kepada anda berbanding dengan yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini.</p>
12. Notis	<p>Semua notis yang dihantar kepada anda hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara lengkap kepada anda berdasarkan maklumat peribadi terakhir yang dikemukakan kepada kami. Begitu juga, semua notis yang dihantar kepada kami hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Syarikat dengan sempurna secara bertulis.</p> <p>Sebarang notis yang dihantar kepada anda akan dianggap telah dihantar dengan sempurna pada tarikh ia dihantar.</p> <p>Kami mungkin akan menghantar notis kepada anda melalui e-mel, pesanan teks atau apa-apa kaedah lain, jika kami merasakan ia sesuai dan ia akan dianggap sebagai notis bertulis. Untuk notifikasi am yang tidak khusus kepada seorang Peserta Takaful, ia akan dianggap notifikasi yang cukup jika notifikasi tersebut disampaikan melalui iklan di akhbar-akhbar utama atau melalui laman sesawang kami dan/atau di media sosial rasmi Syarikat (sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami).</p>
13. Cukai	<p>Sebarang yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tidak termasuk sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.</p>
14. Perbelanjaan	<p>Kami akan menanggung semua perbelanjaan operasi kami. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan di mana perlu yang melibatkan kepentingan mereka yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.</p>
15. Batasan Sanksi	<p>Kami tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan jika ia akan mendedahkan kami kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana negerinya, dan / atau mana-mana undang-undang atau peraturan sanksi ekonomi atau perdagangan yang lain.</p>
16. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) & Piawaian Laporan Am (CRS)	<p>Sekiranya anda mempunyai pemegang akaun sebagai penduduk atau warganegara Amerika Syarikat atau warganegara dari suatu negara yang tersenarai di bawah CRS dan gagal selepas permintaan kami untuk memberikan maklumat, persetujuan dan / atau bantuan yang mungkin dari semasa ke semasa perlu untuk membenarkan pihak Syarikat mematuhi obligasi kontrak, undang-undang dan / atau pengawalseliaan kami di bawah FATCA Amerika Syarikat, termasuk apa-apa pelaporan yang diperlukan ke <i>Internal Revenue Service of Information (IRS)</i> yang berkaitan dengan anda atau orang yang berkaitan dengan Sijil Takaful, kami berhak untuk mengambil tindakan jika perlu termasuklah menyerahkan laporan yang berkaitan, menanggung Sijil Takaful atau akaun, menahan wang yang berkaitan untuk diremitkan dan menamatkan Sijil Takaful.</p>

Rujuk kepada terminologi dan maksudnya yang digunakan secara spesifik dibawah bahagian ini:

1. Doktor

pengamal perubatan atau doktor pakar yang berdaftar sepenuhnya berdasarkan Seksyen 14 Akta Perubatan 1971 (Akta 50), atau mana-mana undang-undang berkaitan bagi kes di mana pengamal perubatan atau doktor pakar beramal di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan atau doktor pakar yang merupakan Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi, suami atau isteri, saudara mara, rakan perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu atau pekerja kepada/atau majikan kepada Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi.